

26/01/2005

Mahathir-Kuwait

MALAYSIA KOMITED ERATKAN HUBUNGAN DENGAN KUWAIT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia amat komited untuk mengeratkan hubungan yang lebih meluas dengan Kuwait serta negara-negara Arab yang lain.

"Walaupun hubungan sedia ada amat baik tetapi ia perlu ditingkatkan bagi kepentingan rakyat kedua-dua negara," menurutnya dalam satu wawancara khas dengan Agensi Berita Kuwait (Kuna) di sini.

Katanya Malaysia tidak mempunyai apa-apa masalah dalam kerjasama dengan negara-negara Islam.

Beliau berkata masanya kini adalah sesuai untuk mengeratkan hubungan Malaysia-Kuwait yang mencakupi bukan saja bidang politik, bahkan segenap bidang terutama perdagangan dan pelaburan.

Beliau juga memuji langkah kerajaan Kuwait membuka pejabat Kuna di Kuala Lumpur dan berharap agar Bernama juga dapat membuka pejabatnya di Kuwait.

Mengenai Palestin, Dr Mahathir berkata penaklukan Israel ke atas bumi Palestin yang berterusan telah menyebabkan permusuhan di merata dunia dan ia melahirkan keganasan di dunia hari ini.

Menurutnya bagi mencapai kedamaian, semua pihak terutama Israel dan Palestin harus berbincang.

Mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata agama tidak sepatutnya dibabitkan dalam soal itu.

Menurutnya, Islam amat jauh dari keganasan tetapi ada orang yang berselindung di sebaliknya dengan tujuan untuk menguasai orang lain.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata Malaysia dilihat sebagai sebuah negara Islam yang agak maju di Asia dan ini disebabkan oleh budaya keterbukaannya dan menghormati budaya dan agama lain dan hidup dalam aman dan harmoni.

-- BERNAMA

MRH AZZ AZH